

**D.R. 8/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1995. Tajuk ringkas.
  
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus tiga puluh lapan juta satu ratus empat puluh enam ribu tiga ratus ringgit (RM138,146,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1995, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1995 dan Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1995.  
Akta A906.  
Akta A920.
  
- (2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 3	Jabatan Audit	1,050,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	62,921,000
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	1,430,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	25,000,000
B. 34	Kementerian Kesihatan	40,000,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	7,745,300
	Jumlah ...	138,146,300

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1995 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1995 dan Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1892.]